

Tawaran Untuk Memohon Pinjaman daripada Tabung Pinjaman Universiti Bagi Semester 2 2014/2015

TAWARAN UNTUK MEMOHON PINJAMAN DARIPADA TABUNG PINJAMAN UNIVERSITI BAGI SEMESTER 2 , SESI AKADEMIK 2014/2015 (BIL. 1)

- Permohonan adalah dipelawa kepada pelajar Ijazah Dasar WARGANEGARA MALAYSIA yang mengikuti pengajian di Universiti Malaya pada Semester 2, Sesi Akademik 2014/2015.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemohon yang tidak menerima biasiswa/pinjaman/lain-lain bantuan kewangan amat digalakkan memohon. Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mendapat keputusan peperiksaan PNGK 3.00 dan ke atas. Bagaimanapun dalam kes-kes tertentu, pemohon yang mendapat PNGK di bawah 3.00 juga layak untuk mendapat pinjaman. Pemohon yang pendapatan keluarga tidak melebihi RM2,000.00 sebulan akan diberi keutamaan. Jumlah kelulusan pinjaman terhad kepada RM2,000.00 per semester dan setiap pelajar layak memohon sehingga RM5,000.00 sepanjang tempoh pengajiannya.

CARA-CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat di atas borang rasmi yang boleh didapati daripada laman sesawang : <http://www.myum.um.edu.my> dengan memasuki : Services > Bendahari > Ijazah Dasar > Borang Permohonan Pinjaman Universiti. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dengan dokumen berikut :

- a) Salinan slip gaji bagi bulan terkini atau Surat Pengesahan Pendapatan bapa/penjaga pemohon;
- b) Surat pengesahan pengajian daripada Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan; dan
- c) Salinan keputusan peperiksaan bagi semester terkini yang telah disahkan. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan secara serahan tangan ke Kaunter Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari, Aras Lobi, Bangunan Canseleri. Sila pastikan borang yang lengkap dihantar selewat-lewatnya pada 09 Mac 2015. Untuk maklumat lanjut sila hubungi Puan Ramlah di talian 03-7967 3499 atau Puan Nur Jamilah di talian 03-7967 3525, atau email ke bursar_student@um.edu.my